

Teknologi ANPR perlukan pendekatan hibrid

SHAH ALAM - Penggunaan teknologi Pengecaman Nombor Pendaftaran Automatik (ANPR) berpotensi memperkemas dan modenkan penguatkuasaan jalan raya, namun perlu digabungkan dengan pendekatan hibrid bagi menutup sebarang kelemahan sistem.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Law Teik Hua berkata, ANPR mampu mengurangkan kebergantungan kepada sekatan jalan raya fizikal yang sering menyebabkan kesesakan.

Bagaimanapun, jelas beliau, kebimbangan terhadap 'loophole' seperti penggunaan nombor pendaftaran palsu adalah wajar dan perlu



TEIK HUA

diberi perhatian serius.

Menurutnya, dari sudut kelemahan, ANPR sangat bergantung kepada ketepatan data visual dan pangkalan data rujukan.

"Sekiranya sesebuah kenderaan menggunakan nombor pendaftaran palsu, klon atau diubah suai, sistem ini boleh terjejas.

"Sebagai contoh, jenis fon tidak standard, pelekat reflektif atau plat sengaja dikaburkan boleh menyebabkan sistem ANPR mungkin gagal mengesan ketidakpatuhan.

"Dalam situasi ini, kenderaan terbabit boleh 'terlepas' kerana sistem hanya mengenal pasti nombor, bukan keaslian fizikal plat itu sendiri," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Tambah beliau, ANPR juga biasanya berfungsi secara optimum apabila digabungkan dengan pangkalan data yang sentiasa dikemas kini seperti rekod Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia dan syarikat insurans.

"Jika integrasi data lemah atau tiada masa nyata, kenderaan dengan nombor palsu atau telah tamat cukai jalan masih berpotensi berada di jalan raya tanpa dikesan segera," ujarinya.

Teik Hua berpandangan teknologi semata-mata tanpa sokongan ekosistem data yang kukuh boleh membuka ruang kelemahan.

Justeru, beliau menegaskan keperluan pendekatan hibrid adalah langkah terbaik bagi menampung kekurangan sedia ada.

"Ini bukan alasan tolak ANPR, sebaliknya menunjukkan keperluan pendekatan hibrid," katanya.